

PROGRAM “VOLUNTEER MALAYSIA 2015” NEGERI PULAU PINANG SATUKAN RAKYAT, MELALUI AKTIVITI KESUKARELAWANAN

12.9.2015 Sabtu : Program Volunteer Malaysia (VM) adalah sebahagian daripada Program yang telah dirancang di bawah iM4U, di mana objektif utama VM adalah untuk menyatukan rakyat Malaysia melalui aktiviti sukarelawan, khususnya golongan muda. Ia adalah satu peluang untuk meningkatkan kesedaran tentang aktiviti sukarelawan.

Slogan VM 2015 adalah “Libatkan Diri. Sertai Kami. Lakukan Kebaikan!”. VM adalah berdasarkan semangat Blue Ocean Strategy Negara (NBOS), di mana sebahagian daripada matlamatnya adalah untuk member tumpuan kepada kesan positif melalui kerjasama yang erat.

Sukarelawan iM4U Politeknik Seberang Perai telah melaksanakan program ini di sebuah kampung di Seberang Perai Utara, iaitu Kampung Kuala Muda, Penaga. Program ini diadakan pada tarikh sama VM dilancarkan di seluruh Malaysia, 12 September 2015, bermula dari 7.30 pagi sehingga 1.00 petang, di sekitar kampung tersebut.

Hasil daripada anjuran bersama antara 1 Malaysia For Youth (iM4U), Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, Pusat Khidmat ADUN Penaga, Kementerian Pelancongan & Kebudayaan, Politeknik Seberang Perai dan JKPP Kg. Kuala Muda, dan juga dengan kerjasama, bantuan dan penglibatan agensi-agensi kerajaan IPTA/IPTS dan badan NGO, maka Program Sukarelawan Volunteer Malaysia (VM) di Kampung Kuala Muda, Pulau Pinang ini telah berjalan dengan lancar. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican yang merupakan Timbalan Menteri Luar Negeri, merangkap Ahli Parlimen Kepala Batas.

Seramai 2000 orang sukarelawan yang hadir dan mereka terdiri daripada 1589 orang dari IPTA, IPTS, sekolah dan NGO telah menyertai program ini bagi kerja-kerja gotong-royong. Di samping itu, seramai 289 orang pula dari agensi-agensi kerajaan telah bekerjasama sebagai Ahli Jawatankuasa Pengelola VM. Penyertaan mereka pada hari program telah membantu dalam kelancaran program pada hari tersebut. Antara tugas – tugas yang dirangkumi adalah pameran kesihatan, pameran kesedaran, penjagaan keselamatan, penyiaran maklumat, hiburan, dan juga yang turut sama terlibat dalam aktiviti gotong – royong bersama peserta lain. Selain daripada penyertaan dari luar, penduduk kampung dan masyarakat setempat juga telah turun padang untuk sama-sama memeriahkan lagi program dan aktiviti pada hari itu.

Para peserta yang terdiri daripada sukarelawan samada daripada komuniti, Agensi, IPT dan belia dilihat mendapat pembelajaran bahawa kerja sukarela adalah berasaskan dan bersumberkan manusia biasa melalui sumber-sumber budaya, moral, semangat kekitaan, kemahiran teknikal, kepimpinan, rangkaian perhubungan serta tenaga fizikal. Mereka mendapat peluang terlibat secara langsung dalam kerja mulia untuk masyarakat dan kemanusiaan ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang penyayang dan sejahtera. Program ini juga telah mengasah bakat golongan muda yang boleh meningkatkan nilai kepimpinan dan tanggungjawab sosial.

GALERI AKTIVITI



Barisan tetamu kehormat yang hadir



Ucapan disampaikan oleh Pengarah PSP,
Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin



Ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Reezal
Merican Bin Naina Merican



Para sukarelawan dan penduduk kampung yang bersama-sama menjayakan program



YB Dato' Sri Reezal Merican menanam salah satu pokok sebagai simbolik kepada salah satu acara dalam program Volunteer Malaysia kali ini, iaitu penanaman pokok di sekitar kawasan kampung



YB Dato' Sri Reezal Merican bergambar bersama Pengarah PSP, Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin dan Kartini Kamalul Ariffin selaku Pengarah Radio iM4U fm, serta pegawai-pegawai yang terlibat dalam program ini.



Pemeriksaan kesihatan juga diadakan